

3 MAR 1996

MENTERI LUAR PERANCIS TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Perancis Herve de Charette tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan isteri.

De Charette diiringi oleh isterinya Michele serta delegasi yang termasuk tiga syarikat terkemuka Perancis -- Alcatel, Lyonnaise des Eaux dan Alsthom.

Beliau dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri kabinet termasuk Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

de Charette akan melakukan lawatan singkat ke Pulau Pinang pada Selasa sebelum berlepas pulang. -- BERNAMA

AKT CR MAI